

RABU

Harian Metro
10 SEPTEMBER 2014

Putrajaya

PPB serah lapan lagi biasiswa pelajar IPT

Pemaju hartanah tempatan, Putrajaya Perdana Berhad (PPB) meneruskan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) apabila menganugerahkan lapan lagi biasiswa kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) bertuah tahun ini.

Pengerusi Eksekutifnya Datuk Rosman Abdullah berkata, selain biasiswa, lapan pelajar bertuah itu turut dijamin peluang pekerjaan selepas menamatkan pengajian di IPT masing-masing kelak.

Beliau berkata, anugerah biasiswa itu diberikan kepada pelajar yang layak serta memerlukan bantuan kewangan bagi menyambung pelajaran ke peringkat universiti.

"Kami sedia maklum bahawa pentingnya pendidikan untuk generasi akan datang. Sejak diperkenalkan pada tahun 2006, seramai 78 pelajar sudah menerima biasiswa ini dengan nilai keseluruhan RM1.24juta.

"Malah, kita turut memberi peluang pekerjaan kepada mereka dalam syarikat ini. Walaupun mereka sudah dijamin pekerjaan selepas tamat pengajian kelak, namun ia tidak bermakna mereka boleh belajar sambil lewa," katanya ketika berucap pada majlis penganugerahan biasiswa berkenaan di sini semalam.

Sementara itu, penerima biasiswa Mohammad Dzulhaizat Mohammad Zawahir, 22, berkata, dia berharap

anugerah itu dapat membantu mengurangkan beban keluarganya memandangkan dia juga anak sulung daripada empat beradik.

"Beliau berkata, dia juga tidak menyangka kerana terpilih sebagai antara lapan penerima biasiswa berkenaan.

"Saya mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan mula mengenali PPB selepas berpeluang melawat salah sebuah bangunan dibangunkan syarikat itu sebelum ini."

"Selepas itu, saya mengambil keputusan untuk melakukan penyelidikan mengenai syarikat itu sebelum terlihat iklan biasiswa berkenaan pada laman web syarikat," katanya.